

D.R. 5/96

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1995 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1995) (No. 2) 1996. Tajuk ringkas.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi empat belas bilion lapan ratus sembilan puluh tiga juta lapan ratus tiga puluh sembilan ribu dua ratus sembilan puluh empat ringgit (RM14,893,839,294) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1995, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1995, Akta Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995) 1995, Akta Perbekalan Tambahan (1995) 1995 dan Akta Perbekalan Tambahan (1995) 1996. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1995.

Akta A906,
Akta A920.
Akta A925.
Akta A939.

(2) Jumlah wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL
(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada Maksud RM
B. 5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	465,000
B.10	Jabatan Peguam Negara	1,125,400
B.13	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak	28,579
B. 15	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	660,000
B. 16	Jabatan Perkhidmatan Bomba	3,152,550
B.22	Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan	9,000,000
B.23	Jabatan Arkib Negara	148,000
B.24	Jabatan Muzium dan Antikuiti	195,740
B. 25	Kementerian Pertahanan	81,584,256
B. 26	Kementerian Pendidikan	310,466,085
B.28	Perbendaharaan	2,083,300
B.29	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	135,699,900
B.30	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	14,000,000,000
B.31	Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja	10,638,499
B. 34	Kementerian Kesihatan	99,663,304
B.35	Kementerian Dalam Negeri	4,896,000
B.36	Polis DiRaja Malaysia	206,600,000
B.37	Jabatan Imigresen	3,184,200
B.39	Jabatan Pendaftaran Negara	2,295,540
B.40	Jabatan Penjara	3,433,741
B.53	Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi	9,349,100
B.54	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	9,170,100
	JUMLAH	14,893,839,294

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1995 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1995, Akta Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995) 1995, Akta Perbekalan Tambahan (1995) 1995 dan Akta Perbekalan Tambahan (1995) 1996.

IMPUKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1928.]